

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

SOALAN :

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) kemajuan Skuad Penjejak Asnaf MAIWP dalam menyampaikan zakat secara efektif; dan
- (b) senarai negeri-negeri yang telah menubuhkan Skuad Penjejak Asnaf ini

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Penubuhan Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP di Wilayah Persekutuan merupakan salah satu usaha yang diambil bagi mengurangkan masalah keciciran di kalangan asnaf. Sehingga kini, seramai 3,049 ketua keluarga di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah berjaya dijejaki. Usaha mencari dan

menjejaki golongan asnaf ini dimudahkan lagi dengan kerjasama di antara pelbagai pihak termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO). Selain itu, MAIWP juga telah mewujudkan hotline Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP iaitu 012-5127614 atau 012-5183614 dan talian bebas tol Baitulmal MAIWP di talian 1800 88 5222. Penggunaan media sosial seperti facebook juga memudahkan orang ramai menyalurkan maklumat kepada Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP.

- b) Berhubung senarai negeri-negeri yang telah menubuhkan Skuad Jejak Asnaf, perkara tersebut perlu dirujuk kepada pihak berkuasa agama negeri masing-masing. Ini kerana di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.